

31 AUG 1997

Anwar-Fitnah

ANWAR ANGGAP SEBAGAI FITNAH KHABAR ANGIN BELIAU LETAK JAWATAN

BUKIT MERTAJAM, 31 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata khabar angin mengenai peletakan jawatan beliau sebagai Menteri Kewangan adalah fitnah.

Katanya khabar angin itu merupakan satu lagi usaha untuk menimbulkan prasangka politik yang jahat.

"Saya telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai khabar angin itu," kata Anwar ketika ditanya pemberita mengenai khabar angin itu selepas menghadiri satu majlis kenduri kahwin di Kampung Sama Gagah, Permatang Pauh, di sini.

Semalam, Dr Mahathir menafikan bahawa Anwar meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan berikutan kejatuhan harga pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pada waktu yang sama, Dr Mahathir turut menjelaskan beliau tidak mengambil alih Kementerian Kewangan, walaupun mungkin itulah yang dihasratkan oleh penyebar khabar angin tersebut.

Anwar berkata beliau selalu berbincang dengan Dr Mahathir mengenai isu kewangan.

"Memandangkan sejak akhir-akhir ini serangan ke atas pasaran kewangan di rantau ini bertambah besar, sudah tentu penglibatan Perdana Menteri dalam isu-isu ekonomi dan kewangan akan bertambah," katanya. -- BERNAMA

NZ MAI